

GALAK BERGOLAK

CMSB menjadi contoh yang jelas bagaimana pertelingkahan keluarga yang berlarutan boleh menjerat lembaga pengarah syarikat tersenarai, menjejaskan operasi harian, mengaburkan tumpuan strategik dan akhirnya menghakis nilai korporat serta kepercayaan pemegang saham.

RIWAYAT CMSB: TENTANG KEKELUARGAAN, WARISAN DAN TINDAKAN SAMAN

Pertelingkahan dalam lembaga pengarah sering berlaku dalam perniagaan keluarga, lazimnya berpunca daripada kegagalan membezakan antara urusan peribadi dengan profesional. Hal ini akhirnya mencetuskan konflik, yang melibatkan strategi, imbuhan dan perwarisan.

Peranan dan tanggungjawab yang tidak jelas, ditambah pula dengan kegagalan memisahkan isu peribadi daripada urusan syarikat, boleh mencetuskan gangguan di peringkat tadbir urus terutamanya apabila melibatkan ahli keluarga yang kurang berpengalaman atau tidak layak memegang jawatan dalam lembaga pengarah.

Apabila berlaku keretakan dalam hubungan kekeluargaan, seperti adik-beradik atau saudara rapat yang tidak sehaluan, permusuhan itu sering terbawa-bawa hingga ke bilik lembaga. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan proses membuat keputusan atau pengundian, malah kadang-kadang memaksa pengarah luar untuk memilih “pihak” tertentu.

Kesan buruk daripada kepincangan dinamik lembaga akibat perebutan harta pusaka dan pertelingkahan dalam kalangan adik-beradik ini dapat dilihat dengan jelas dalam kes Cahya Mata Sarawak Berhad (CMSB), dahulunya dikenali sebagai konglomerat terbesar Sarawak yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Malah, CMSB menjadi contoh terbaik bagaimana konflik dalaman keluarga yang berpanjangan boleh mengheret lembaga pengarah syarikat ke dalam kekalutan dan mengganggu operasi harian. Situasi ini akhirnya menghakis nilai syarikat serta kepercayaan pemegang saham, sekali gus menjejaskan kelangsungan perniagaan.

Warisan yang Memecahbelahkan Keluarga

Sebelum pemergian ketua keluarga, Tun Abdul Taib Mahmud pada usia 87 tahun, tanggal 21 Februari 2024, pertikaian undang-undang telah pun tercetus antara anak-anak beliau dengan isteri keduanya, Toh Puan Raghad Kurdi Taib, berhubung pemilikan saham dalam syarikat utama keluarga iaitu CMSB.

Pada tahun 2023, dua anak lelaki Taib iaitu Datuk Seri Mahmud Abu Bekir Taib dan Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib, telah memfailkan saman bagi menghalang pemindahan 50 juta saham CMSB kepada ibu tiri mereka, wanita kelahiran Syria berusia 45 tahun itu, dengan alasan saham tersebut adalah sebahagian daripada harta pusaka peninggalan arwah ibu mereka iaitu Datuk Patinggi Dr. Hajjah Lejla Taib.

Dalam keluarganya sendiri, nampak seperti tiada kesepakatan dalam kalangan anak-anaknya. Misalnya, dua anak perempuan Taib iaitu Jamilah Taib Murray dan Datuk

Hanifah Hajar Taib, tidak terlibat dalam saman tersebut yang melibatkan DS Mahmud, DS Sulaiman dan ibu tiri mereka. Bagaimanapun, kedua-dua beradik perempuan ini mengawal Majaharta Sdn Bhd, pemegang saham tunggal terbesar dalam CMSB yang menguasai pegangan sebanyak 12.6%.

Tambahan pula, CMSB sendiri pernah memfailkan saman sivil terhadap beberapa individu tiga tahun lalu, yang termasuk Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree, suami kepada Hanifah, memperlihatkan lagi keretakan dalam hubungan sesama adik-beradik itu.

Syed Ahmad pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif CMSB dari tahun 2006 hingga 2019. Beliau menyertai kumpulan itu selepas keluarga Taib keluar daripada industri perbankan dengan menjual pegangan sebanyak 32.8% dalam RHB Banking Group kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Beliau kemudiannya menggantikan DS Sulaiman sebagai Ketua Pegawai Eksekutif CMSB apabila DS Sulaiman masuk bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Kota Samarahan pada pilihanraya umum 2008, sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelancongan.

Anak sulung Abdul Taib Mahmud, DS Mahmud Abu Bekir (61) kini menyandang jawatan Timbalan Pengerusi Kumpulan dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif CMSB, manakala DS Sulaiman (57) merupakan Pengarah Urusan Kumpulan. Kedua-duanya memegang jawatan dalam lembaga pengarah seramai 10 ahli yang dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Kanan, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

Selepas Syed Ahmad meninggalkan CMSB pada 2019, syarikat itu diterajui oleh dua profesional termasuk Datuk Isaac Lugun, yang menyertai CMSB sejak Januari 1996. Namun, sebaik sahaja DS Sulaiman kembali menyertai lembaga pengarah pada Jun 2021, CMSB telah memfailkan saman terhadap enam individu, termasuk Syed Ahmad dan Isaac, atas dakwaan pelanggaran tanggungjawab fidusiari yang berkaitan projek pembinaan loji bahan tambahan fosfat bersepadu di Samalaju, Sarawak. Saman yang difailkan pada Julai 2022 ini dibuat susulan audit penyiasatan yang dilakukan oleh sebuah firma perakaunan.

Jurang Korporat yang Semakin Melebar

Walaupun isu perebutan harta dengan ibu tiri mereka telah menyatukan Abu Bekir dan Sulaiman buat seketika, hubungan mereka di peringkat korporat dilihat semakin tegang, terutamanya di peringkat lembaga pengarah CMSB.

Malah, kedua-duanya kini terlibat dalam beberapa pertikaian undang-undang sebelum dan selepas kematian bapa mereka. Antara yang ketara termasuklah:

- Pada 6 Mac 2025, Abu Bekir memfailkan saman pemula untuk meneliti akaun CMSB dan anak-anak syarikatnya.

Dalam affidavit yang difailkan pada 13 Mac 2025 bagi membantah prosiding oleh Abu Bekir dan seperti yang dilaporkan oleh sebuah portal berita tempatan, Sulaiman mendakwa bahawa *"tidak mustahil tindakan Mahmud ini adalah percubaan merampas kuasa untuk menyingkirkan saya sebagai pengarah"*.

- Tidak lama kemudian, pada 20 Mac 2025, CMSB pula memfailkan saman terhadap Abu Bekir dan lima individu lain atas dakwaan pelanggaran amanah dan tanggungjawab fidusiari yang berkaitan dengan kegagalan sistem Enterprise Resource Planning (ERP) yang merupakan sebahagian daripada projek transformasi digital yang dianugerahkan kepada Syarikat pada 2019.

Projek transformasi digital itu melibatkan syarikat Vienna Advantage GmbH (VAG) yang sebahagiannya dimiliki oleh Abu Bekir dan Ketua Pegawai Maklumat ketika itu, Karl Vink @ Khalid Abdullah. CMSB mendakwa VAG gagal melaksanakan dan menyiapkan sistem ERP tersebut.

Pada April 2021, CMSB memulakan siasatan dalaman berhubung dakwaan konflik kepentingan yang membabitkan Abu Bekir dan Vink. Abu Bekir kemudiannya mengambil cuti sementara daripada semua jawatan dalam Kumpulan. Bagaimanapun, dalam satu kenyataan bertarikh 6 Mei 2021, lembaga pengarah menjelaskan bahawa tindakan itu tidak perlu kerana dakwaan tersebut dianggap tidak berasas.

Kesannya Terhadap Prestasi Kewangan

Seiring dengan kemerosotan pengaruh politik Allahyarham Taib Mahmud dan konflik keluarga yang berpanjangan, saham CMSB kini didagangkan pada harga kira-kira RM1.55 sesaham, jauh lebih rendah berbanding dengan paras tertingginya, RM5.60 sedekad yang lalu. Penurunan mendadak ini bukan sahaja mencerminkan cabaran perniagaan, tetapi juga kesan buruk daripada pertikaian keluarga yang menular ke urusan korporat, sekali gus melemahkan keyakinan pelabur dan pulangan jangka panjang kepada pemegang saham.

Kemelut keluarga ini turut mengganggu operasi CMSB. Contoh paling ketara, pada Julai 2023, Syarikat SESCO Bhd, syarikat utiliti negeri Sarawak, telah memotong bekalan elektrik ke loji fosfat CMSB di Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu selepas pertikaian mengenai perjanjian pembelian tenaga.

Bahagian fosfat itu kini menjadi beban kewangan utama, mencatatkan kerugian yang berterusan sejak tahun kewangan 2020. Dalam separuh pertama tahun kewangan 2025, kerugian bahagian itu meningkat kepada RM87.19 juta, lebih sekali ganda daripada RM40.45 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sebelum itu, bahagian ini merekodkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM156.70 juta (tahun kewangan 2023) dan RM96.80 juta (tahun kewangan 2024).

Secara keseluruhan, CMSB mencatatkan peningkatan keuntungan bersih tahun ke tahun sebanyak 12% kepada RM128.19 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (tahun kewangan 2023: RM114.44 juta). Bagaimanapun, pendapatan kumpulan susut sedikit kepada RM1,196 juta berbanding dengan RM1,201 juta pada tahun sebelumnya.

Bagi separuh pertama tahun kewangan 2025, keuntungan bersih Kumpulan merosot 80.44% kepada RM14.01 juta berbanding dengan RM71.61 juta pada separuh pertama tahun kewangan 2024. Pendapatan pula menyusut 11.2% kepada RM493.05 juta berbanding dengan RM555.36 juta pada separuh pertama tahun kewangan 2024.

Pulangan kepada pemegang saham juga tidak memberangsangkan. Pulangan ekuiti (ROE) hanya meningkat sedikit kepada 3.83% pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan 3.51% pada tahun kewangan 2023, dengan julat ROE lima tahun antara 3.51% hingga 9.20%, mencerminkan kecekapan penggunaan modal yang rendah. Pembayaran dividen juga sederhana, kira-kira 2 hingga 3 sen sesaham dalam tempoh lima tahun.

Walaupun ada sedikit optimisme terhadap perancangan untuk memulakan semula operasi loji fosfat, ujian sebenar CMSB bukan hanya terletak pada metrik pengeluaran, malah dilihat pada daya tahan tadbir urusnya.

Tanpa struktur tadbir urus keluarga yang kukuh, isu peribadi akan terus menular ke bilik lembaga. Masa yang sepatutnya digunakan untuk memacu strategi korporat akhirnya habis begitu sahaja demi menyelesaikan konflik sesama mereka. Situasi ini menjejaskan kecekapan lembaga dan nilai yang dibawa kepada syarikat serta para pemegang saham.

Konflik keluarga yang menular ke dalam lembaga pengarah bukan sahaja rumit, malah berisiko tinggi. Bagi CMSB, usaha memulihkan keyakinan pasaran memerlukan lebih daripada sekadar pemulihan operasi kerana ia menuntut usaha untuk memulihkan kepercayaan, baik dalam kalangan ahli keluarga, mahupun para pemegang saham.

[TAMAT]



Share Fest!

Festival for Minority Shareholders

22 NOVEMBER 2025

HERITAGE VALLEY KL

9:00 A.M. - 6:00 P.M.

Free Entry



Food Trucks



Lucky Draw



Free Health Check^{Up}



Free Relaxing Massage



Info Session



Food Bazaar



Flea Market



Pop Up Zone

Free Stuffs



Meal Coupon*



Door Gift*

* For the first 300 pax.
Terms & conditions apply.



REGISTER NOW



EVENT BROCHURE



@MSWGMalaysia

mswg.org.my






The New SORMIC Guide 2025

What It Is All About & Its Implications to Listed Issuers, Directors, Management & Auditors

 **3 NOVEMBER 2025**
MONDAY
  **9.00 AM - 1.00 PM**

 **MICROSOFT TEAMS**



Scan the QR Code to register





@MSWGMalaysia

mswg.org.my







*Applicable to both individual & group registrations only



Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements

 **10 NOVEMBER 2025**
MONDAY
  **9.00 AM - 5.00 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register





@MSWGMalaysia

mswg.org.my









Business Continuity Management Masterclass

Building Resilience, Ensuring Rapid Recovery, and Sustaining Operations

 **24 & 25 NOVEMBER 2025**
MONDAY & TUESDAY
  **9.00 AM - 5.30 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register





@MSWGMalaysia

mswg.org.my

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.